



Helaian Data Keselamatan

1 - Pengenalan Produk Kimia dan Syarikat

Pengilang: WD-40 Company Alamat: 9715 Business Park Ave San Diego, CA , A.S Poskod: 92131 Telefon: +1-800-448-9340 +1-858-251-5600 Nombor Telefon Kecemasan 24 Jam: 1-888-324-7596 (PROSAR) Tumpahan Bahan Kimia: 1-800-424-9300 (Chemtrec) 1-703-527-3887 (Panggilan Antarabangsa)	Nama Bahan Kimia: Campuran Nama Dagang: WD-40 Specialist Rust Remover Soak Kegunaan Produk: Penanggal Karat Tarikh Penyediaan SDS: 24/6/2020
---	---

2 - Pengenalan Bahaya

Pengelasan GHS:
Tidak dikelaskan sebagai berbahaya

Unsur label: Tiada yang diperlukan

3 - Komposisi/ Maklumat Bahan

Bahan	Nombor CAS	Peratus Berat	Pengelasan GHS
Air dan Bahan yang Tidak Berbahaya	Campuran	100	Tidak berbahaya

4 - Langkah-langkah Pertolongan Cemas

Tertelan: Berkumur dan beri teguk air. Jangan paksa untuk muntah. Dapatkan perhatian perubatan. Hubungi pakar perubatan, pusat kawalan racun atau Talian Penting Keselamatan WD-40 di 1-888-324-7596.

Terkena Mata: Basuh mata dengan air hingga bersih, kemudian tanggalkan kanta lekap jika ada dan mudah untuk dilakukan. Teruskan membasuh mata selama beberapa minit. Dapatkan perhatian perubatan jika kerengsaan berterusan.

Terkena Kulit: Basuh dengan air sehingga bersih. Tanggalkan apa-apa pakaian yang tercemar dan basuh sebelum digunakan semula. Jika kerengsaan timbul dan berterusan, dapatkan perhatian perubatan.

Tersedut (Pernafasan): Hentikan penggunaan dan beralih ke kawasan yang berudara segar. Dapatkan perhatian perubatan jika kerengsaan timbul dan berterusan.

Simptom yang paling penting (akut dan tertanggung): Boleh menyebabkan kerengsaan sederhana pada kulit jika terkena kulit secara berpanjangan.

Petunjuk bagi Perhatian Perubatan Segera atau Rawatan Khas: Perhatian perubatan segera tidak diperlukan.

5 - Langkah-langkah Pemadaman Kebakaran

Media Pemadaman Api: Produk ini tidak mudah terbakar atau tidak boleh terbakar. Gunakan mana-mana media yang sesuai untuk kebakaran sekitar.

Prosedur Khusus Pemadaman Api: Petugas pemadam kebakaran hendaklah sentiasa memakai peralatan pernafasan lengkap dengan tekanan positif dan pakaian pelindung yang lengkap untuk kebakaran yang melibatkan bahan kimia. Sejukkan bekas yang terdedah kepada api menggunakan air.

Bahaya Kebakaran dan Letupan Luar Biasa:

Penguraian terma akan membebaskan oksida karbon dan oksida fosforus.

6 - Langkah-langkah Pelepasan Tidak Sengaja

Langkah Berjaga-jaga Diri, Peralatan Pelindung dan Prosedur Kecemasan: Pakai pakaian pelindung yang sesuai (sila lihat Seksyen 8).

Langkah-langkah Melindungi Alam Sekitar: Laporkan tumpahan kepada pihak berkuasa seperti yang dikehendaki.

Kaedah dan Bahan untuk Pembendungan/Pembersihan: Tumpahan boleh dikutip dengan bahan penyerap dan dimasukkan ke dalam bekas untuk dilupuskan. Bersihkan kawasan tumpahan dengan air. Tumpahan besar hendaklah dibendung dengan bahan penyerap lengai. Kutip dan masukkan ke dalam bekas untuk dilupuskan dengan cara yang betul.

7 - Pengendalian dan Penyimpanan

Langkah Berjaga-jaga untuk Pengendalian yang Selamat: Elakkan daripada terkena mata. Elakkan daripada terkena kulit secara berpanjangan atau berulang. Tutup bekas apabila tidak digunakan. Basuh sehingga bersih selepas menggunakan bahan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

Keadaan untuk Penyimpanan yang Selamat, termasuk sebarang bahan yang tidak serasi: Simpan di tempat yang dingin dan kering. Elakkan pembekuan..

8 - Kawalan Pendedahan/Perlindungan Diri

Bahan Kimia	Had Pendedahan Pekerja
Bahan yang tidak berbahaya	Tiada yang ditetapkan

Kawalan Berikut Disyorkan untuk Penggunaan Pengguna Biasa Produk ini:

Kawalan Kejuruteraan: Guna di kawasan yang mempunyai pengalihan udara yang baik.

Perlindungan Diri:

Perlindungan Mata: Elakkan bahan daripada terkena mata.

Perlindungan Kulit: Elakkan daripada terkena kulit secara berpanjangan. Untuk kulit sensitif atau penggunaan yang berpanjangan, pakai sarung tangan getah.

Perlindungan Pernafasan: Tiada yang diperlukan. .

Untuk Pemprosesan Pukul atau Penggunaan di Tempat Kerja, Kawalan Berikut Disyorkan:

Kawalan Kejuruteraan: Guna dengan pengalihan udara am atau ekzos setempat yang mencukupi untuk meminimumkan tahap pendedahan.

Perlindungan Diri:

Perlindungan Mata: Patuhi keperluan kemudahan.

Perlindungan Kulit: Pakai sarung tangan getah dan pakaian pelindung sebagaimana yang diperlukan untuk mengelak bahan daripada terkena kulit secara berpanjangan.

Perlindungan Pernafasan: Tiada perlindungan pernafasan biasanya diperlukan. Jika melebihi tahap pendedahan, pakai alat pernafasan yang diluluskan. Pemilihan dan penggunaan alat pernafasan hendaklah berdasarkan jenis, bentuk dan kepekatan bahan cemar. Patuhi peraturan berkenaan dan amalan Kebersihan Industri yang baik.

Amalan Kerja /Kebersihan: Elakkan daripada terkena mata, kulit dan pakaian. Basuh tangan sehingga bersih selepas mengendalikan bahan ini.

9 - Sifat Fizikal dan Kimia

Rupa:	Cecair jernih tidak berwarna	Had Kemudahbakaran:	Tidak berkenaan
Bau:	Berbau sedikit	Tekanan Wap:	Sama seperti air
Ambang Bau:	Tidak ditetapkan	Ketumpatan Wap:	Sama seperti air
pH:	6-8	Ketumpatan Relatif:	1.05
Takat Lebur/Beku:	Tidak ditetapkan	Keterlarutan:	Larut di dalam air

Julat/Takat Didih:	Tidak ditetapkan	Pekali sekatan; n-oktanol/air:	Tidak ditetapkan
Takat Kilat:	Tiada	Suhu Auto-cucuhan:	Tiada
Kadar Penyejatan:	Sama seperti air	Suhu Penguraian:	Tidak ditetapkan
Kemudahbakaran (pepejal, gas):	Tidak berkenaan	Kelikatan:	Tidak ditetapkan
VOC:	0.0 paun/gelen	Takat Tuang:	Tidak berkenaan

10 - Kestabilan Dan Kereaktifan

Kereaktifan: Tidak reaktif

Kestabilan bahan kimia: Stabil

Kemungkinan tindak balas berbahaya: Tiada yang diketahui

Keadaan yang Perlu Dielak: Elakkan pembekuan dan suhu ekstrem.

Bahan yang Tidak Serasi: Asid kuat.

Produk Penguraian Berbahaya: Penguraian terma akan membebaskan oksida karbon dan oksida fosforus.

11 - Maklumat Toksikologi

Simptom Pendedahan Berlebihan:

Tersedut: Tiada kesan buruk yang dijangka dalam keadaan biasa. Kabus boleh menyebabkan kerengsaan, membran mukus tekak dan hidung dan saluran pernafasan atas.

Terkena Kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan sederhana pada kulit jika terkena bahan secara berpanjangan atau berulang.

Terkena Mata: Tiada kerengsaan mata yang ketara dijangkakan. Terkena bahan ini secara langsung boleh menyebabkan ketidakselesaan yang ringan dan sementara.

Tertelan: Boleh menyebabkan kerengsaan pada mulut dan saluran gastro-usus

Kesan kronik: Tiada yang diketahui pada masa ini

Masalah Perubatan yang Menjadi Bertambah Teruk Melalui Pendedahan: Masalah mata, kulit dan pernafasan yang sedia ada mungkin jadi bertambah teruk akibat pendedahan.

Agen Kanser yang Disyaki:

Ya Tidak **X**

Ketoksikan oral produk ini dianggarkan lebih besar daripada 5,000 mg/kg dan ketoksikan dermis lebih besar daripada 2,000 mg/kg berdasarkan penilaian bahan. Berdasarkan kajian komponen, produk ini tidak toksik akut. Bukan perengsa dalam kajian mata in-vitro dan perengsa ringan dalam kajian kerengsaan kulit in-vitro.

12 - Maklumat Ekologi

Eko-ketoksikan: Tiada data khusus untuk produk ini yang tersedia. Elakkan daripada terlepas ke persekitaran.

Ketegaran dan Keterdegradan: Tiada data tersedia

Potensi Bio-pengumpulan: Tiada data tersedia .

Kebolehergerakan dalam Tanah: Tiada data tersedia.

Kesan Buruk lain: Tiada yang diketahui

13 - Maklumat Pelupusan

Lupuskan mengikut peraturan tempatan, negeri dan persekutuan. Pertimbangkan pencemaran yang mungkin berlaku semasa proses penanggalan karat apabila menentukan kaedah pelupusan.

14 - Maklumat Pengangkutan

Keterangan Penghantaran Permukaan DOT: Tidak dikawal selia
Keterangan Penghantaran IMDG: Tidak dikawal selia
Keterangan Penghantaran ICAO : Tidak dikawal selia

NOTA: WD-40 Company tidak menguji bekas untuk memastikan ia memenuhi kebezaan tekanan dan keperluan lain untuk pengangkutan melalui udara. Kami tidak mengesyorkan produk kami diangkut melalui udara.

15 - Maklumat Pengawalan

Peraturan Persekutuan Amerika Syarikat:

CERCLA 103 Kuantiti Boleh Laporkan: Produk ini tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan CERCLA. Banyak negeri mempunyai keperluan pelaporan pelepasan yang lebih ketat. Laporkan tumpahan yang diperlukan di bawah peraturan persekutuan, negeri dan tempatan.

SARA TAJUK III:

Kategori Bahaya Untuk Seksyen 311/312: Tidak berbahaya

Seksyen 313 Bahan Kimia Toksik: Produk ini mengandungi bahan kimia berikut yang tertakluk kepada keperluan pelaporan SARA Tajuk III Seksyen 313: Tiada

Seksyen 302 Bahan yang Amat Berbahaya (TPQ): Tiada

Status Akta Kawalan Bahan Toksik EPA (TSCA): Semua komponen produk ini disenaraikan dalam inventori TSCA.

Maklumat Antarabangsa:

Peraturan China berkaitan Kawalan Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya: Semua bahan dalam produk ini disenaraikan dalam IECSC (Inventori Bahan Kimia Sedia Ada di China 2010).

Korea: Produk ini mengandungi satu bahan yang tidak disenaraikan dalam inventori kimia Korea. Hubungi WD40 untuk maklumat lanjut.

Filipina: Semua komponen produk ini disenaraikan dalam inventori PICCS

Jepun: Semua komponen produk ini disenaraikan dalam inventori bahan kimia Jepun atau dikecualikan daripada pemberitahuan..

16 - Maklumat Lain

Pengadaran Bahaya HMIS:

**Kesihatan — 1 (Bahaya sedikit), Bahaya Kebakaran — 0 (Bahaya minimum),
Bahaya Fizikal — 0 (Bahaya minimum)**

Tarikh Semakan: Jun 2020

Menggantikan: November 2017

Disediakan oleh: Industrial Health & Safety Consultants, Inc. Shelton, CT, A.S

2043100/Nombor